

Headline	TNB laksana THySIS kesan spesies pokok terancam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	19	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	Azhar Shahrulnizam	AdValue	RM 13,212
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,636



TNB laksana THySIS kesan spesies pokok terancam

Sistem pastikan pembinaan menara penghantaran tidak jejas flora, fauna

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.m

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) membangunkan sistem Tree Hyperspectral Identification System (THySIS) atau Sistem Pengenalan Hiperspektral Pokok untuk mengesan spesies pokok terancam secara automatik menggunakan teknik penderiaan jauh.

Sistem itu yang pertama paling lengkap di negara ini dibangunkan menggunakan kepa-

karan dalaman Bahagian Grid TNB bertujuan memastikan pembinaan menara penghantarannya tidak menjejaskan spesies terancam.

Ketua Pegawai Grid TNB, Ir Dev Anandan, berkata inisiatif pembangunan sistem itu sejajar dengan komitmen TNB terhadap pengukuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Sistem THySIS ini akan membolehkan kami mengenal pasti flora dan fauna di kawasan terbabit sebelum mengemukakan cadangan laluan penghantaran, berbanding sebelum yang bergantung sepenuhnya kepada maklumat pihak berkuasa hutan.

"Justeru sistem ini akan digunakan apabila Jabatan Perancangan Tanah, di TNB mahu mengenal pasti laluan atau jajaran rentas TNB untuk kerja pembangunan menara talian penghantaran yang baharu," katanya melalui kenyataan.

Beliau berkata, ini adalah satu daripada inisiatif Bahagian

Grid TNB dalam mengukuhkan lagi komitmennya terhadap aspirasi ESG yang menjadi antara agenda penting dalam memperkasakan dan mempergiat Peralihan Tenaga.

Katanya, ia juga mendukung Pembangunan Mampan (Agenda 2030) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) berlandaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menyasarkan manusia menikmati kemakmuran dengan menyeimbangkan ekonomi, sosial dan alam sekeliling.

"Projek ini dijangka mampu membantu TNB dan negara memulihara hutan simpan dan tumbuhan unik khususnya menyelamatkan spesies terancam daripada mengalami kepupusan.

"Sistem THySIS beroperasi dengan menggunakan kaedah Pengesanan dan Julat Cahaya (LIDAR) bersama kaedah hiperspektral yang dipasang pada drone. Kedua-dua sistem ini men-

gumpul data mengenai tumbuhan dan memetakannya dalam bank imej," katanya.

Pemilihan laluan pembinaan

Dev berkata, ini bermakna penggunaan THySIS membolehkan TNB mengesan lebih awal jenis tumbuhan di kawasan cadangan, sekali gus dapat membuat pemilihan laluan bagi pembinaan menara dan talian penghantaran agar mengelak kawasan spesies pokok terancam.

"Jabatan Perancangan Tanah TNB akan cuba sedaya upaya mengelak daripada melalui laluan atau jajaran yang mempunyai spesies terancam.

"Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sudah mengenal pasti 40 spesies pokok yang tidak boleh ditebang kerana mengalami kepupusan," katanya.

Pelaksanaan THySIS membolehkan TNB Mengklasifikasi spesies pokok di sepanjang cadangan laluan talian penghantaran dengan menggunakan data hiperspektral serta mengenal pasti dan memantau pokok berbahaya dari spesies terancam di talian penghantaran sedia ada dengan menggunakan data LIDAR supaya pertumbuhannya tidak menjejaskan kabel talian atas.

Projek ini dijangka mampu membantu TNB dan negara memulihara hutan simpan dan tumbuhan unik khususnya menyelamatkan spesies terancam daripada mengalami kepupusan

Dev Anandan, Ketua Pegawai Grid TNB



TNB juga dapat mengumpul data bagi membangunkan aplikasi pengesanan automatik spesies pokok terancam dan memuatkan maklumat dalam web Sistem Pelan Grid Tanah (GLPS) sebagai rujukan yang membantu dalam mengenal pasti jajaran cadangan laluan TNB.